

# MOT BULETIN

Edisi 12

Bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, Kerajaan telah memperuntukkan RM240 juta untuk menyediakan pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan yang meliputi perkhidmatan rel dan bas RapidKL dan juga pas bulanan RM50 tanpa had perjalanan bagi bas RapidKL mulai 1 Januari 2019. Inisiatif ini telah diumumkan semasa Belanjawan 2019 di mana dengan skim ini, ianya dapat membantu mengurangkan kos sara hidup terutamanya kepada pengguna pengangkutan awam di negara kita.

Pas perjalanan tanpa had ini yang dikenali sebagai My100 dan My50 telah berjaya dilancarkan pada 1 Disember 2018 bertempat di KL Sentral, Kuala Lumpur oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, yang turut dihadiri oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook dan Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar.

Melalui Pas My100, pelanggan boleh menikmati semua perkhidmatan rel dan bas RapidKL termasuk MRT, LRT, monorel, BRT Sunway, bas RapidKL dan bas pengantara MRT tanpa had dalam tempoh 30 hari dengan hanya RM100. Bagi pas My50 pula, penumpang boleh menaiki semua bas RapidKL dan bas pengantara MRT (tidak termasuk BRT) tanpa had sepanjang 30 hari dengan RM50.

Sepuluh orang Duta telah diperkenalkan bagi menjayakan inisiatif ini yang terdiri daripada atlet-atlet sukan terkenal tanahair antaranya Datuk Nicol Ann David (juara dunia skuasy wanita), Cheong Jun Hoong (juara dunia acara terjun 10 meter platform wanita), Mohamad Ridzuan Mohamad Puzy (pemenang pingat emas sukan Paralimpik Rio 2016 acara 100m T36), Goh Liu Ying (pemenang pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016 acara beregu campuran), Syaidatul 'Afifah binti Badrul Hamidi (juara dunia acara boling berpasukan wanita), Leong Mun Yee (pemenang pingat gangsa Sukan Komanwel 2018 acara 3m papan anjal seirama) Syakilla Saini Jefry Krisnan (pemenang pingat perak Kejohanan Dunia 2014 acara karate wanita), Welson Sim Wee Sheng (pemenang tiga pingat emas Sukan SEA KL 2017 acara renang gaya bebas), Farah Ann Abdul Hadi (pemenang pingat emas Sukan SEA KL 2017 acara gimnastik artistik) dan Julian Yee Zhi-Jie (pemenang pingat emas Sukan SEA KL 2017 acara luncur ais).

Sebagai menzahirkan tanda penghargaan dan terima kasih di atas segala jasa, pengorbanan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan, MOT telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan 46 orang warga kerja Kementerian Pengangkutan serta agensi/jabatan di bawahnya yang telah dan akan bersara dari Perkhidmatan Awam pada tahun 2018.

Majis maraikan para pesara ini telah diadakan pada 4 Disember 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, MOT yang telah diadakan bersekali dengan Majlis Perhimpunan Bulanan MOT Bagi Bulan Disember 2018. Semasa majlis ini, YB Menteri Pengangkutan telah menyampaikan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pesara di atas perkhidmatan yang telah diberikan semasa berkhidmat di MOT dan juga mengharapkan semoga semua pesara terus diberikan kesihatan yang baik dalam menjalani kehidupan seharian selepas bersara kelak. Selain itu, YB Menteri juga mengharapkan agar semua pesara akan terus membantu Kerajaan untuk menyampaikan setiap maklumat dan dasar-dasar Kerajaan kepada masyarakat agar kestabilan ekonomi, pembangunan dan perpaduan akan terus berkekalan.

## #Info Psikologi

“ Kebijaksanaan adalah kemampuan untuk menggambarkan orang lain sebagaimana mereka melihat diri mereka sendiri ”.



**Pelancaran Pas Perjalanan Tanpa Had My100 dan My50**



**Majlis Jasamu Dikenang**

Buat julung kalinya, MOT melalui tiga agensi / jabatan dibawahnya iaitu Keretapi Tanah Melayu Behad (KTMB), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah berjaya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Majlis menandatangani MoU ini telah dirasmikan dan disaksikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook di bertempat di Kementerian Pengangkutan pada 14 Disember 2018.

Perkongsian yang strategik diantara UiTM dan KTMB, MIROS dan JPJ ini mampu mendorong semua pihak ke arah penyelidikan dan perkongsian akademik, selain ianya menunjukkan komitment dan usaha yang tinggi daripada pihak UiTM sebagai sebuah pusat pengajian tinggi dalam usaha menggalakkan penyelidikan dan perkongsian akademik dalam bidang pengangkutan ke tahap yang lebih tinggi. Usaha ini tidak dapat dijalankan dengan berkesan tanpa sokongan daripada agensi kerajaan seperti KTMB, MIROS dan JPJ.

Selain itu, usaha ini juga merupakan satu simbolik kepada usaha keras berterusan semua pihak bagi membentuk sistem pengangkutan yang efisyen serta selamat di Malaysia. Di samping itu, majlis seumpama ini juga akan menjadi satu permulaan kepada agenda yang lebih besar berteraskan semangat berpasukan yang tinggi kepada pihak UiTM dan agensi / jabatan di bawah MOT bagi menjamin kualiti pendidikan dalam bidang pengangkutan yang lebih baik di masa depan.



## Memorandum Persefahaman (MoU) antara UiTM dengan Tiga Agensi/Jabatan di Bawah MOT



## Majlis Inaugural National Aviation Consultative Council (NACC)

Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Loke Siew Fook telah memperkenalkan Mesyuarat Pertama National Aviation Consultative Council (NACC) yang telah diadakan pada 5 Disember 2018 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Mesyuarat NACC kali pertama ini telah dihadiri seramai 120 orang ahli yang terdiri daripada stakeholders industry penerbangan termasuk syarikat-syarikat penerbangan negara, Operator lapangan terbang, Operator groundhandler dan Persatuan profesional berkaitan penerbangan di mana NACC ini akan bersidang sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

Di antara perkara -perkara yang telah dibincangkan semasa NACC kali pertama ini adalah berhubung penguntukan hak trafik, keupayaan teknikal CAAM, tahap perkhidmatan lapangan terbang dan laporan industri outlook sektor penerbangan.

Penubuhan NACC ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan sektor pengangkutan udara di Malaysia berteraskan agenda nasional yang mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat. Di samping itu, penubuhannya juga untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama antara pihak Kerajaan dan penggiat industri, serta menggalakkan perkongsian maklumat berhubung keperluan pasaran dan pembangunan infrastruktur penerbangan. Tiga jawatankuasa telah diwujudkan di bawah NACC ini iaitu Jawatankuasa Penasihat Ekonomi, Jawatankuasa Penasihat Teknikal dan Jawatankuasa Infrastruktur.